

'Kerajaan negeri jangan angkuh'

SHAH ALAM - Kerajaan negeri digesa supaya tidak angkuh dalam isu pengurusan sampah melibatkan penggunaan Stesen Pemindahan Sisa Pepejal di Seksyen 21.

Ketua Umno Bahagian Shah Alam, Datuk Azhari Shaari berkata, tindakan kerajaan negeri yang memutuskan untuk tidak menggunakan stesen berkenaan dilihat tidak mengambil kira impak negatif kepada rakyat.

"Menteri Besar perlu lihat, perkara ini bukan isu politik kerana ia masalah berkaitan rakyat.

"Kerajaan pusat berbelanja besar untuk membina stesen ini dengan begitu baik, kenapa tidak digunakan? Sepatutnya arahkan penghantaran sampah di kawasan PBT ke sini untuk diproses sebelum dihantar ke Jeram.

"Kalau dengan sistem pengurusan yang diputuskan oleh kerajaan negeri hari ini, saya lihat hanya akan tambahkan masalah seperti air kotor dari lori sampah dan sebagainya," katanya kepada pemberita ketika melawat stesen berkenaan, semalam.



Azhari Shaari diberi penerangan oleh Pengurus Besar Bumi Segar Indah Sdn. Bhd. Soo Kam Heng ketika mengadakan lawatan semalam.

Selain itu, Azhari turut kesal apabila stesen yang dibina dengan kos keseluruhan hampir RM79 juta dipulangkan dalam keadaan yang daif, selain banyak kerosakan setelah tamat kontrak pengurusan kerajaan negeri.

Menurutnya, pengurusan baharu yang dilantik oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga mengeluarkan belanja yang besar untuk memulihkan dan menaiktaraf prasarana stesen berkenaan agar dapat beroperasi seperti biasa.

Beliau berkata, malang-

nya kerajaan negeri masih dengan sikap angkuh tidak mahu memproses sampah di stesen berkenaan, sebaliknya memutuskan untuk terus menghantar ke Jeram.

"Keputusan kerajaan negeri ini jelas akan menjejaskan sistem logistik sampah khususnya di Shah Alam... Jadual pengambilan sampah akan terjejas dan ini akan merugikan rakyat.

"Saya mendesak wakil rakyat kawasan serta kerajaan negeri supaya jangan aniaya penduduk Shah Alam dan jangan politikkan isu sampah ini," katanya.